



PANDUAN PENGENDALIAN KES COVID-19

STAF DI UTM

PERANAN PTJ

1. Maklumkan Pusat Kesihatan Universiti (PKU). Kes akan disemak dan diperakukan oleh PKU.
2. Tutup bangunan/fasiliti tercemar sementara PKU menjalankan penilaian risiko dan pemantauan sanitasi.
3. Pembukaan semula PTJ adalah berdasarkan penilaian PKD.
4. Pastikan staf jalani kuarantin di rumah seperti arahan KKM (kes indeks dan kontak rapat).
5. Digalakkan mengamalkan sepenuhnya SOP Bekerja Dari Rumah (WFH) selama 10 hari bagi staf lain yang bukan kontak rapat tetapi terdedah (tidak perlu melalui proses kontak rapat).
6. Hubungi PKU sekiranya timbul gejala.
7. Patuhi SOP tempat kerja yang ditetapkan.

PERANAN STAF POSITIF

1. Maklumkan PSM PTJ/PKU segera .
2. PSM PTJ maklum kes kepada PKU. Kes akan disemak dan diperakukan oleh PKU.
3. Staf dilarang berada di tempat kerja.
4. Jalani penilaian status kesihatan. Rujuk Covid Assessment Centre (CAC) daerah.
5. Jika kuarantin di rumah, sentiasa berada di rumah.
6. Patuhi Arahan Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (Home Surveillance Order, HSO).
7. Laksanakan Penilaian Kesihatan kendiri menggunakan Home Monitoring Tool (HMT).
8. Sekiranya ada tanda-tanda amaran, hubungi talian 999 atau CAC terdekat.
9. Patuhi langkah-langkah pencegahan penularan di rumah dan nasihat penjagaan kesihatan.
10. Hadir ke Klinik Kesihatan/CAC pada hari ke-10 untuk penilaian akhir dan pelepasan dari kuarantin.
11. Anda tidak perlu menjalani swab kedua.
12. Sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk dihubungi oleh PKD & PKU

PERANAN KONTAK RAPAT

1. Maklumkan PSM PTJ/PKU dengan segera. Kes akan disemak dan diperakukan oleh PKU.
2. Kekal di rumah dan dilarang berada di pejabat.
3. Staf dikuarantin di rumah dan sentiasa berada di rumah.
4. Patuhi Arahan Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (Home Surveillance Order, HSO).
5. Laksanakan Penilaian Kesihatan kendiri menggunakan Home Assessment Tool (HAT). Sekiranya ada gejala , hubungi CAC terdekat.
6. Jalani swab test (jika bergejala) dan kuarantin di rumah sehingga hari ke-10.
7. Jalani ujian kedua pada hari ke-8 bagi kontak bergejala.
8. Hadir ke PKD/Klinik Kesihatan terdekat pada hari ke sepuluh (10) bagi mendapatkan pelepasan kuarantin dan pemotongan gelang.
9. Tidak perlu swab kedua sekiranya tidak bergejala.
10. Sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk dihubungi oleh PKD & PKU



PANDUAN PENGENDALIAN KES COVID-19

PELAJAR DI UTM

PERANAN KOLEJ

- Pengetua maklumkan Pusat Kesihatan Universiti (PKU). Kes akan disemak dan diperakukan oleh PKU.
- Kluster Hospitaliti tutup bangunan/fasiliti tercemar sementara PKU menjalankan penilaian risiko dan pemantauan sanitasi.
- Pembukaan semula ruang adalah berdasarkan penilaian PKU.
- Pelajar yang positif dan kontak rapat dipindahkan ke Pusat Kuarantin .
- Pengetua Kolej perlu menasihati penghuni asrama lain mengamalkan sepenuhnya SOP selama 10 hari bagi pelajar lain yang bukan kontak rapat tetapi terdedah (tidak perlu melalui proses kontak rapat).
- Hubungi PKU sekiranya timbul gejala.
- Patuhi SOP yang ditetapkan dengan ketat.



PERANAN PELAJAR POSITIF

- Maklumkan Pengetua Kolej segera .
- Pengetua maklum kes kepada PKU. Kes akan disemak dan diperakukan oleh PKU.
- Pelajar dipindahkan ke Pusat Kuarantin.
- Jalani penilaian status kesihatan. Rujuk Covid Assessment Centre (CAC) daerah.
- Jika kuarantin di Pusat Kuarantin, sentiasa berada di dalam bilik yang ditetapkan.
- Patuhi Arahan Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (Home Surveillance Order, HSO).
- Laksanakan Penilaian Kesihatan kendiri menggunakan Home Monitoring Tool (HMT).
- Sekiranya ada tanda-tanda amaran, hubungi talian 999 atau CAC terdekat atau Talian Kecemasan PKU.
- Patuhi langkah-langkah pencegahan penularan dan nasihat penjagaan kesihatan.
- Hadir ke Klinik Kesihatan/CAC pada hari ke-10 untuk penilaian akhir dan pelepasan dari kuarantin.
- Anda tidak perlu menjalani swab kedua.
- Sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk dihubungi oleh PKD & PKU

PERANAN KONTAK RAPAT

- Maklumkan Pengetua Kolej /PKU dengan segera. Kes akan disemak dan diperakukan oleh PKU.
- Pelajar akan dipindahkan ke Pusat Kuarantin dengan Ambulan PKU.
- Anda akan dikuarantin di Pusat Kuarantin dan hendaklah sentiasa berada di dalam bilik
- Patuhi Arahan Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (Home Surveillance Order, HSO).
- Laksanakan Penilaian Kesihatan kendiri menggunakan Home Assessment Tool (HAT). Sekiranya ada gejala , hubungi CAC terdekat.
- Jalani swab test (jika bergejala) dan kuarantin di Pusat Kuarantin sehingga hari ke-10.
- Jalani ujian kedua pada hari ke-8 bagi kontak bergejala.
- Hadir ke PKD/Klinik Kesihatan terdekat pada hari ke sepuluh (10) bagi mendapatkan pelepasan kuarantin dan pemotongan gelang.
- Tidak perlu swab kedua sekiranya tidak bergejala.
- Sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk dihubungi oleh PKD & PKU

TALIAN COVID-19 UTM : 01133340646 (JB) & 0179833009 (KL)

TALIAN KECEMASAN : 075530999(PKU JB)/0197756765 (PKU KL)



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Pusat Kesihatan
Universiti


LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 DI TEMPAT KERJA

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19

- ✓ Polisi tidak bersalaman
- ✓ Promosi etika batuk dan bersin yang betul
- ✓ Sediakan hand sanitizer di pintu masuk
- ✓ Sentiasa beri peringatan penggunaan hand sanitizer
- ✓ Tangguh mesyuarat dan acara berskala besar
- ✓ Pekerja yang sakit mesti berada di rumah
- ✓ Sentiasa disinfeksi permukaan yang kerap disentuh
- ✓ Memakai pelitup muka dengan betul
- ✓ Tingkatkan aliran udara dengan membuka tingkap
- ✓ Bekerja dari rumah atau lakukan giliran bekerja secara berjadual
Pastikan jarak sekurang-kurangnya satu meter semasa makan
- ✓ Elakkan berkongsi makanan di tempat kerja
- ✓ Nilai risiko perjalanan pekerja yang berurus di luar pejabat
- ✓ Tingkatkan saringan kesihatan dan kebersihan pengendali makanan dan kontak mereka



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19





PERINGATAN

MEMAKLUMKAN KONTAK RAPAT DAN KASUAL KEPADA KES POSITIF COVID-19



Warga UTM diwajibkan untuk memaklumkan kepada **Pusat Kesihatan Universiti (PKU)** sekiranya pernah menjadi **KONTAK RAPAT** dan **KASUAL** kepada kes positif **COVID-19** dengan kadar segera.

SIAPA KONTAK RAPAT?

Individu yang berhubung secara langsung dengan kes positif COVID-19 dalam masa **14 hari kebelakangan**, sama ada:



1

Bersemuka dengan pesakit COVID-19 pada jarak kurang 1 meter

Bersentuhan (kontak fizikal) dengan kes COVID-19

2



“KONTAK RAPAT TERMASUK...”

1 ANGGOTA KESIHATAN TANPA MEMAKAI P.P.E

Anggota kesihatan yang memberi perawatan kepada kes disahkan COVID-19 tanpa memakai alat perlindungan diri (PPE) yang lengkap.

2 INDIVIDU SERUMAH

Individu yang tinggal serumah dengan kes disahkan COVID-19.

3 TIDAK JAGA JARAK SOSIAL

Individu yang duduk dekat (kurang 1 meter) dengan kes COVID-19 dalam satu premis seperti pejabat, rumah ibadat, kedai dan lain-lain.

4 PENGEMBARA

Individu menggembira bersama dan duduk berdekatan (kurang 1 meter) dengan kes COVID-19 sepanjang perjalanan.



SIAPA KONTAK KASUAL? Individu yang berhubung secara terus dengan KONTAK RAPAT

- **KONTAK RAPAT** perlu menjalani **kuarantin kendiri selama 14 hari**, walaupun **keputusan ujian saringan COVID-19 negatif**, manakala **KONTAK KASUAL** hanya perlu menjalani kuarantin kendiri sehingga keputusan ujian saringan **KONTAK RAPAT** diperoleh.
- **Pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP)** adalah **dihadirkan**.
- **Tindakan boleh diambil sekiranya gagal mematuhi SOP yang telah ditetapkan.**




TALIAN COVID-19 UTM: **01133340646** (JB) / **0179833009** (KL)

TALIAN KECEMASAN: **075530999** (PKU JB) / **0197756765** (PKU KL)



TIDAK KIRA SESIAPA PUN YANG DATANG KE PEJABAT ANDA
**MESTILAH PATUHI
S.O.P NORMA BAHARU**



1 METER



E-HAILING



PENGHANTAR SURAT



JURUTEKNIK FASALITI



JURUTEKNIK KOMPUTER



RAKAN SEKERJA



PENGHANTAR KURIER



PELAWAT



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19



1/3

KETAHUI STATUS ANDA DALAM RANTAIAN COVID-19



Kementerian
Kesihatan
Malaysia



MYHEALTHKKM



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



SCAN ME

STATUS	KATEGORI	PROSEDUR YANG PERLU ANDA LAKUKAN	PERUBAHAN KATEGORI
Pesakit yang telah disahkan positif COVID-19	1	<p>Sekiranya tidak bergejala atau bergejala ringan dan memenuhi kriteria lain yang ditentukan, anda boleh menjalani pemantauan dan pengasingan di rumah selama tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Untuk yang bergejala teruk atau mempunyai ko-morbiditi, anda akan dirujuk ke hospital atau Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah untuk rawatan lanjut.</p> <p>Swab ulangan tidak diperlukan.</p>	ANDA ADALAH KES POSITIF COVID-19
Individu yang mempunyai KONTAK RAPAT dengan individu dari kategori 1	2	<p>Anda perlu kuarantin di rumah selama 10 hari.</p> <p>Ujian COVID-19 perlu dijalankan untuk yang bergejala atau atas arahan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).</p> <p>Swab ulangan tidak diperlukan melainkan atas arahan PKD.</p>	<p>Sekiranya keputusan ujian COVID-19 adalah positif, status anda akan bertukar ke kategori 1.</p> <p>Sekiranya keputusan ujian COVID-19 adalah negatif, teruskan kuarantin di rumah selama 10 hari.</p>

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19

2/3

KETAHUI STATUS ANDA DALAM RANTAIAN COVID-19



Kementerian
Kesihatan
Malaysia



MYHEALTHKKM



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



STATUS	KATEGORI	PROSEDUR YANG PERLU ANDA LAKUKAN	PERUBAHAN KATEGORI
Individu yang mempunyai KONTAK RAPAT dengan individu dari kategori 2	3	<p>Digalakkan bekerja dari rumah.</p> <p>Jika terpaksa bekerja, hadkan pergerakan antara rumah dengan tempat kerja sahaja.</p> <p>Di tempat kerja, elakkan berinteraksi secara bersemuka dengan orang awam dan rakan sekerja serta patuhi SOP yang ketat.</p> <p>Tempoh: Selama 10 hari daripada hari terakhir pendedahan kepada individu kategori 2 atau sehingga keputusan beliau diperolehi.</p> <p>Sekiranya anda kontak rumah, amalkan penjarakan fizikal dengan individu kategori 2 termasuk elakkan makan atau tidur bersama.</p>	<p>Sekiranya kontak rapat kategori 2 disahkan COVID-19 positif, status anda akan bertukar ke kategori 2.</p>
Individu yang mempunyai KONTAK RAPAT dengan individu dari kategori 3	4	<p>Tiada larangan khusus.</p> <p>Sila dapatkan perkembangan status kategori 3 samada bertukar menjadi kategori 2.</p>	<p>Sekiranya kontak rapat anda dalam kategori 3 telah bertukar menjadi kategori 2, status anda akan bertukar dari kategori 4 ke kategori 3.</p>

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



3/3

DEFINISI KONTAK RAPAT

Kementerian
Kesihatan
Malaysia



1

Ahli keluarga yang tinggal serumah / rakan sekerja yang bekerja di ruang yang sama / rakan sekelas / berada dalam satu kenderaan yang sama dengan kes positif.

Bersemuka selama lebih daripada 15 minit dalam jarak yang kurang dari 1 meter di dalam kawasan yang tertutup dengan kes positif.

2

3

Tidak bersemuka tetapi berada di dalam bilik berhawa dingin yang sama selama lebih dari 2 jam dengan kes positif.

Berada dalam kendaraan yang sama dengan jarak 2 tempat duduk dengan kes positif.

4



MYHEALTHKKM



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



SCAN ME

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19